

# UCAPAN-UCAPAN KETUA-KETUA PERSIDANGAN DALAM MUKTAMAR AL-ALAM AL-ISLAMI

Muktamar al-'Alam al-Islami telah diadakan di Karachi pada 9, 10, 11, dan 12 Februari 1951.

Hari yang pertama setelah dibuka oleh Tuan Lquat Ali Khan persidangan itu di pengaruhi oleh Sahib As-Samahah

Mufti al-Haj Amin al-Husseini, hari yang kedua oleh Tuan Syamsul Rijal dari Indonesia, hari yang ketiga

oleh Tuan Umar Redha Dagrul dari Turki dan hari yang keempat (persidangan belia) oleh Dr Abdul Wahab Azam

Bek. Ringkasan ucapan-ucapan itu adalah di peturunkan seperti di bawah ini:-

## HAPUSKAN KHURAFAT-KHURAFAT

Dr Abdul Wahab Azam Bek ketua persidangan

belia-belie dalam Mukhtar al-'Alam al-Islami yang bersidang pada 11

Februari 1951 yang telah berjaya mengambil keputusan hendak

menubuhkan suatu pusat pertubuhan belia Islam bagi

menyatukan usaha-usaha pergerakan belia-belie itu, di dalam

ucapan pembukaannya telah berkata bahawa pengaruh Barat dengan

melalui kemajuan ilmu Sains dan Perusahaan, telah

membawa bencana, membawa jalan memesongkan belia-belie Islam.

Ia telah menggalakkan supaya ulama-ulama patut memberi pimpinan

kerana menghapuskan kejahilan berkenaan dengan faham-faham Islam

dan hendaklah meniupkan semangat kepercayaan di antara belia-belie

itu supaya mereka mengambil berat dan mengambil perhatian

kepada cara-cara kehidupan Islam.

-----\*-----\*-----

Katanya lagi: "Masa ke hadapan bagi orang-orang Islam

bergantung atas ikhlas dan ketinggian sopan santun

keturunan-keturunan yang baharu. Jika kita dapat memberikan pelajaran kepada

pemuda-pemuda kita mengikut ajaran Islam nescaya kita dapat

menjadikan mereka itu bersemangat dan kuat tubuh badannya. Jika

kita dapat menimbulkan kebencian di dalam hati mereka terhadap

kepada kebendaan dunia maka kita akan mendapat kejayaan dalam

ikhtiar kita pada membina suatu bangsa Islam yang kuat."

Dr Azam Bek telah berkata bahawa ada dua perkara yang

mesti diingat waktu memberikan pelajaran kepada pemuda-pemuda.

Pertama ialah memahirkan mereka dengan kebenaran ajaran-ajaran Islam

dan kedua menunjukkan kepada mereka bagaimana hendak membantu

jiwa mereka kepada garisan-garisan yang sebenar.

Katanya lagi bahawa adalah mustahak bagi semua negeri-negeri

Islam menubuhkan suatu pertubuhan pemuda bersatu untuk

"mengembang dan menghebahkan" kebenaran-kebenaran ajaran Islam.

Ia mengesyorkan supaya ibu pejabat pertubuhan itu hendaklah

menyatukan dasarnya dan menubuhkan cawangan-cawangan "Pusat

Pertubuhan Pemuda-pemuda" dalam semua negeri-negeri Islam.

Ia telah menggalakkan supaya diadakan sebuah jawatankuasa

bagi menjalankan cadangan yang terkandung di dalam suatu

keputusan iaitu sebelum diadakan perjumpaan tahun yang akan

datang bagi muktamar ini.

-----\*-----\*-----

## ISLAM DALAM TURKI

Tuan Umar Redha Dagrul ketua perwakilan Turki dalam

ucapannya dalam persidangan Mukhtar al-'Alam al-Islami telah

mengadakan suatu seruan yang penuh dengan semangat meminta supaya

mendapatkan suatu huraian dan syor-syor yang dapat dijalankan

bagi menentang keadaan yang berat menghadapi dunia hari ini

mengikut semangat Islam dan kehendak-kehendak masa "supaya kita

dapat hasil-hasil yang berguna daripada ikhtiar-ikhtiar kita." Tuan

Dagrul ialah menjadi pengaruhi di dalam persidangan terbuka

hari yang ketika Mukhtar al-'Alam al-Islami di Karachi.

"Islam", katanya ialah hanya satu sahaja cahaya pimpinan

dalam kegelapan ini iaitu kegelapan yang telah menyelubungi dunia

hari ini dan saya berharap dengan bersungguh masanya tidak

jauh lagi apabila cahaya Islam akan sampai kepada tiap-tiap

penjuru dunia ini dan Tuhan, dengan kemakmurannya, akan

menolong kita dan kita akan diberi rahmat kejayaan."

Ia telah menyeru  
juga akan dunia  
Islam menguatkan  
tenaganya menuju kepada  
jalan kemajuan  
dengan mengambil  
perhatian yang penuh  
kepada godaan-godaan dunia  
moden itu.



*Tuan Umar Redha Dagrul  
wakil ketua dari Turki*

Tuan Umar  
Dagrul yang ialah  
juga seorang  
ahli Majlis

Mesyuarat Kebangsaan Turki, telah menerangkan satu persatu akan perintah-perintah dan ajaran-ajaran agama dalam negeri Turki dan bahagian yang telah diambil oleh seorang ulama Turki iaitu Almarhum al-Alamah Ahmad Hamid al-Aksaghi sehingga akhir hayatnya.

“Islam mendapat kebebasan yang penuh di Turki” katanya, “iaitu suatu kebebasan yang tidak dihadkan kepada satu-satu darjah atau satu-satu kumpulan orang ramai tetapi adalah kebebasan bagi tiap-tiap seorang yang tinggal di Turki dan orang-orang Turki akan sentiasa membentuk kehidupan mereka mengikut ajaran-ajaran Islam”.

Waktu bercakap berkenaan dengan kerja yang terbentang di hadapan wakil-wakil itu maka wakil Turki itu berkata: “Kita telah datang ke sini daripada segala ceruk rantau dunia Islam kerana membahaskan keadaan-keadaan kita yang sebenar dan kesukaran-kesukaran yang menghadapi kita. Jika kita dapat menyelesaikan masalah-masalah yang menghadapi kita maka dunia Islam amnya akan mendapat faedah daripadanya dan dengan rahmat Allah kita akan dapat membetulkan rumah kita sendiri.

Katanya lagi: “Kita patut memalingkan perhatian kita kepada pemuda-pemuda Islam dan memberi mereka semangat dan jiwa bekerja supaya mereka dapat berpegang dengan cara kehidupan Islam. Kita akan dapat menyelamatkan umat kita dan hendaklah kita menjalankan kaedah-kaedah itu dan

ini akan membawa kepada suatu kesan yang sihat dan memandu dunia menuju kepada demokrasi dan kebebasan”

Katanya lagi “Dunia sedang melalui suatu zaman yang cemas hari ini dan tanda-tanda berkenaan dengan satu Perang Dunia yang Ketiga adalah tertulis dengan besar di atas ufuk (kaki langit). Oleh itu adalah mustahak bagi kita memerhatikan apa yang sebenar dan mempelajari akan masalah-masalah yang berlain-lainan yang sedang menghadapi dunia Islam hari ini.

Terlebih dahulu daripada itu Tuan Umar Redha Dagrul telah memuji kerja yang dibuat oleh al-Alamah Ahmad Hamid al-Aksaghi bekas Ketua Jabatan Perkara Agama Republik Turki yang disifatkannya sebagai “ahli fikiran yang utama dan ulama yang bijak”

“Ustaz Hamid al-Aksaghi itu adalah di antara pendeta-pendeta yang tinggi darjatnya di Turki” katanya. “ia adalah seorang yang tinggi hemah dan tulus ikhlas dalam pekerjaannya membuat khidmat seumur hidupnya mengembangkan agama Islam dan bekerja menghidupkan falsafah Islam cita-citanya yang utama ialah supaya dunia Islam tinggi martabatnya dan itulah ia berkhidmat seumur hidupnya.

Ia telah menyatakan juga akan pekerjaan jabatan perkara agama dan peraturan memasukkan pelajaran agama di dalam Sekolah-sekolah Rendah dan cadangan akan memasukkan pelajaran agama ke dalam Sekolah-sekolah Menengah. Ia berharap masanya tidak lama lagi yang “kita akan dapat melihat tertubuhnya suatu persekolahan menyiasat hal ehwal yang berkenaan dengan Islam dan pertubuhan itu akan mengemukakan peraturan-peraturan yang sebenar berkenaan pelajaran-pelajaran Islam dan kaedah-kaedah mengajarnya.”

-----\*-----\*-----

## **LUASKAN FAHAM ISLAM**

Tuan Syamsul Rijal ketua perwakilan Indonesia yang mengandungi tujuh orang di dalam persidangan Muktamar Al-'Alam al-Islami di antara lain-lain telah berkata:-

“Malam tadi saya telah memberikan kepada tuan-tuan ucapan tahniah dan salam daripada umat dan kerajaan Indonesia. Pada malam ini saya akan membincangkan beberapa masalah yang menghadapi dunia Islam khususnya dan kemanusiaan amnya, yang